

KHUTBAH JUMAAT

“MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB SEMUA”

(15 Disember 2023M/ 2 Jamadilakhir 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus tajuk “**Memelihara Kesucian Al-Quran Tanggungjawab Semua**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi kita Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* dalam bahasa Arab, menerusi perantaraan Malaikat Jibril *alaihis salam*, disampaikan kepada kita secara *mutawatir*, dimulai dengan surah al-Fatihah, diakhiri dengan surah al-Nas, dan membacanya adalah ibadat. Allah *subhanahu wata'ala* menurunkan al-Quran untuk menjadi panduan hidup manusia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 2:

ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ ۚ فِيهِ ۚ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ (٢)

Maksudnya: *Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa;*

Kitab al-Quran juga menerangkan kebesaran Allah *subhanahu wata'ala*, mengandungi perundangan kehidupan dan merupakan mukjizat sepanjang zaman. Sesungguhnya, penurunan al-Quran adalah anugerah Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita dan semestinya kita perlu bersyukur kepada-Nya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Kahf, ayat 1-2:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي أَنزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلَّذِي يَجْعَلُ لَهُ ٱلْعِوَجَ (١) قِيمًا
لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ
أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا (٢)

Bermaksud: *Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menurunkan kepada hamba-Nya (Muhammad), Kitab suci al-Quran, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong): (Bahkan keadaannya) tetap benar lagi menjadi pengawas turunnya al-Quran untuk memberi amaran (kepada orang yang ingkar) dengan azab yang seberat-beratnya dari sisi Allah, dan memberi berita gembira kepada orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka akan beroleh balasan yang baik.*

Keistimewaan al-Quran berbanding kitab samawi yang lain ialah nasnya tetap dipelihara oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hijr, ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ (٩)

Maksudnya: *Sesungguhnya, Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

Sesungguhnya, wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sentiasa dijaga dengan baik. Ketelitian menulis nas al-Quran dengan tepat sudah bermula sejak zaman Baginda *sallallahu alaihi wasallam* lagi. Setiap kali menerima wahyu, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* akan mengarahkan ia ditulis oleh para sahabat *radiallahu anhum* dalam kalangan penulis wahyu, antaranya Zaid bin Thabit *radiallahu anhu*.

Dalam satu riwayat disebutkan bahawa Zaid bin Thabit *radiallahu anhu* berkata: "Aku pernah menulis wahyu di sisi Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan Baginda *sallallahu alaihi wasallam*

membaca kepadaku. Apabila aku selesai menulis, Baginda bersabda: ((Bacalah kepadaku apa yang engkau tulis.)) Lalu aku membacanya. Jika terdapat kesalahan atau kalimah yang tidak ditulis, Baginda akan memperbetulkan. Kemudian aku bawa wahyu tersebut keluar untuk dibaca kepada manusia.

(Hadis riwayat Imam at-Tabarani).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pengumpulan al-Quran kali pertama berlaku pada zaman Abu Bakar al-Siddiq *radiallahu anhu* iaitu selepas peperangan al-Yamamah menentang golongan murtad. Dalam peperangan tersebut, ramai penghafaz al-Quran gugur syahid. Melihat perkara ini, Umar Ibnu al-Khattab *radiallahu anhu* mencadangkan kepada Abu Bakr al-Siddiq *radiallahu anhu* untuk mengumpulkan al-Quran. Setelah dipersetujui maka tugas mengumpul dan menulis al-Quran diberi kepada dua orang sahabat iaitu Umar bin al-Khattab dan Zaid bin Thabit *radiallahu anhuma*.

Menurut Imam al-Suyuti *rahimahullah*, Zaid bin Thabit *radiallahu anhu* tidak akan menerima ayat al-Quran yang ditunjukkan kepadanya kecuali dibawakan dua orang saksi bahawa ayat tersebut pernah ditulis di hadapan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan bukan ditulis sekadar ingatan semata-mata.

Semasa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan *radiallahu anhu*, berlaku perselisihan bacaan al-Quran dalam kalangan umat Islam. Setiap mereka mendakwa bahawa bacaan al-Quran merekalah yang betul dan bacaan lain adalah salah. Justeru, satu lajnah telah

dibentuk untuk menyalin Mushaf. Lajnah tersebut dianggotai oleh Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Said bin al-'As dan Abdul Rahman bin Harith *radiallahu anhum*. Mereka telah menyalin al-Quran ke beberapa mushaf seterusnya dihantar ke kota-kota Islam bersama-sama dengan seorang guru. Ini bertujuan agar umat Islam bersatu-padu dan tidak berpecah-belah dengan sebab bacaan al-Quran.

Penulisan mushaf selepas itu melalui proses yang sama iaitu ditulis dan disemak dengan penuh teliti demi memastikan semua ayat al-Quran adalah sahih dan tepat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah ditugaskan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran menerusi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Menerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Tasheh Al-Quran) yang dianggotai 35 orang dalam kalangan para penghafaz al-Quran termasuk dua orang dari Sarawak yang berkemahiran tinggi dalam penulisan al-Quran, telah berperanan memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran sebelum ia dibenarkan untuk dicetak.

Ketelitian lajnah dalam menyemak deraf cetakan al-Quran adalah melibatkan beberapa perkara penting iaitu mesti menepati Rasm Uthmani aliran Abu Daud Sulaiman Ibnu Najah dan Abu Amru al-Dani, menepati Ilmu Dabt aliran Khalil Ibnu Ahmad al-Farahidi dan ulama' *Masyariqah*, dan juga mesti berteraskan mushaf yang

diterbitkan di Madinah al-Munawwarah dan yang diterbitkan di Universiti al-Azhar, Mesir. Hanya deraf yang menepati garis panduan yang telah ditetapkan akan dibawa kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran bagi tujuan mendapatkan kelulusan cetak.

Dari aspek penguatkuasaan, pihak KDN di negeri-negeri akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan, penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan pencetakan serta pemeriksaan bersepadu berdasarkan aduan di mana-mana premis. Oleh sebab itu, dengan adanya penguatkuasaan dan kawalan, mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan.

Manakala dari aspek kualiti, pihak KDN mewajibkan setiap penerbit menggunakan kertas yang berkualiti untuk cetakan mushaf, mesti mengikut garis panduan yang ditetapkan iaitu kaedah penandaan ayat atau bacaan, dan juga garis panduan penamaan judul mushaf.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tanggungjawab memelihara ketepatan cetakan mushaf al-Quran di Malaysia memerlukan kerjasama bersepadu antara agensi kerajaan dengan orang ramai. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan, dan pemalsuan maka orang ramai hendaklah memastikan setiap mushaf mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN sebagai bukti keabsahan cetakan mengikut kelulusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran KDN. Jika didapati sebaliknya

maka bolehlah mengemukakan aduan ke pihak KDN negeri bagi tujuan siasatan, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan demi menjaga kemaslahatan ummah dan kesucian mushaf al-Quran.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:-

Pertama : Al-Quran adalah dijamin oleh Allah *subhanahu wata'ala* keselamatannya daripada berlaku sebarang penyelewengan dan perubahan.

Kedua : Pihak KDN sentiasa berusaha memastikan mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan melalui usaha penguatkuasaan dan kawalan.

Ketiga : Orang ramai hendaklah membeli mushaf yang telah diperakui keabsahannya oleh KDN iaitu mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan, dan pemalsuan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَأْتَلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابِ رَبِّكَ ۚ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ ۚ وَلَنْ تَجِدَ مِنْ
دُونِهِ مُلْتَحَدًا (٢٧)

Maksudnya: *Dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Tuhanmu; tiada sesiapa yang dapat mengubah kalimah-kalimah-Nya; dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripada-Nya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ
كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،
إِهْزِمْهُمْ وَأَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ
عَنْهُمْ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.